Publication: Berita Harian, p 02

Date: 23 November 2018

Headline: Cloud technology help to expand Janio's logistic business



MANFAATKAN TEKNOLOGI: Syarikat Janio, yang diasaskan bersama (dari kiri) Encik Yim, Encik Afiq, Encik Syed Ali dan Encik Ng menggunakan teknologi awan yang membuatkan khidmat penghantaran yang disediakan lancar dan pantas. – Foto BH oleh KHALID BABA

Teknologi awan bantu perluas jangkau niaga logistik Janio

TUMPUAN awal perniagaan baru setempat Janio adalah menghuraikan isu logistik dan penghantaran Singapura dan Indonesia melalui wadah teknologi awan atau 'cloud-based' bagi e-dagang kedua-dua negara.

Wadah tersebut menghubungkan pihak berbeza – contohnya syarikat penghantaran yang mempunyai aset seperti kenderaan di kedua-dua negara, bagi memastikan laluan lancar.

Pendekatan 'cloud native', yakni perisian dan sistem dibentuk dan sedia digunakan berasaskan teknologi awan, memberikan Janio kepantasan dan kefleksibelan dalam operasi serta memberi peluang kepada mereka memperluas jangkauan.

Disebabkan wujudnya permintaan pelanggan, Janio, yang dimulakan awal tahun ini, kini bukan sahaja berkhidmat antara Singapura dengan Indonesia.

Bahkan, mereka menyediakan khidmat penghantaran rentas sempadan di China, Filipina, Thailand dan kini mempertimbang laluan di Malaysia.

Antara pengasas bersama syarikat, Encik Mohamed Afiq Mohamed Ismail, 27 tahun, berkata khidmat Janio digunakan oleh syarikat e-dagang yang mempunyai pelanggan di seluruh dunia.

"Apa yang kami (Janio) lakukan adalah menyediakan rangkaian penghantaran bukan daripada segi tradisional di mana kami terpaksa membeli atau memiliki kenderaan penghantaran atau berurusan dengan pihak kastam, tetapi menghubungkan pihak yang sudah pun mempunyai aset.

"Contohnya, sebagai pelanggan, apabila mereka menghantar pesanan kepada Janio untuk dihantar ke luar negara, sistem digital kami akan menghubungkan mereka kepada lima rakan kongsi atau pihak penghantaran yang lain (di negara berbeza)," katanya, semasa dihubungi baru-baru ini.

Encik Afiq berkata idea tersebut tercetus apabila mereka mendapati bahawa khidmat penghantaran rentas sempadan kurang berbanding permintaan yang ada.

Ciri 'cloud native' membolehkan mereka memulakan Janio dalam tempoh tiga bulan sejak idea tercetus.

Jumlah pesanan yang mereka terima pun berjaya meningkat daripada 10 kepada ke 1,000 dalam masa singkat, menurut Encik Afiq.

singkat, menurut Encik Afiq. Beliau memulakan Janio bersama tiga teman lain – Encik Nathaniel Yim, Syed Ali Ridha Madihid dan Encik Ng Jun Kai.

Pencapaian Janio ditukil Menteri

Perhubungan dan Penerangan S. Iswaran menerusi ucapannya di acara Hari Industri Digital SG di Pusat Konvensyen Suntec City semalam.

Dalam acara tersebut, beliau melancarkan beberapa usaha yang bertujuan membantu syarikat kecil dan sederhana (SME) media infokom memanfaatkan teknologi baru demi merebut peluang dalam sektor perkhidmatan.

Usaha sedemikian juga mahu menggalak lebih banyak perniagaan menggunakan teknologi awan atau mengambil pendekatan 'cloud native'.

Encik Afiq, yang memiliki ijazah sarjana muda bidang sistem maklumat Universiti Pengurusan Singapura (SMU), berkata beliau berharap Janio mampu menawarkan khidmat tambahan, di samping menguruskan penhantaran.

mat tambanan, di samping menguruskan penghantaran. "Melalui data yang dikumpulkan daripada khidmat logistik dan penghantaran, kami boleh melihat kepopularan produk tertentu di ka-

wasan berbeza.

"Mungkin pada masa depan, kita boleh menawarkan khidmat yang dapat memberikan maklumat kepada penjual di mana mereka harus meningkatkan pemasaran produk supaya lebih berkesan," ujarnya.

Menyentuh tentang khidmat 'cloud native', Encik Afiq berkata bahawa khidmat itu membolehkan syarikat menumpukan perhatian kepada nilai yang ingin disediakan buat pelanggan tanpa dikekang aspek teknikal.